

04/09/1998

NAM perlu elak penjajahan baru

Mustapa Omar in Durban

DURBAN Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan negara-negara anggota Pergerakan Berkecuali (NAM) supaya bersatu bagi menghadapi sebarang usaha penjajahan dalam bentuk baru.

Perdana Menteri berkata, kuasa-kuasa besar kini tidak lagi menggunakan kekuatan tentera sebagai senjata, sebaliknya mengenakan tekanan ekonomi yang jelas lebih berkesan.

Menurutnya, mereka kini sudah menemui senjata baru yang lebih ampuh, iaitu dengan menjatuhkan nilai mata wang sesebuah negara sehingga memiskinkan rakyatnya.

"Serangan menerusi tekanan ekonomi walaupun lebih halus, tidak kurang merosakkan dan lebih berkesan berbanding menggunakan kekuatan tentera. Oleh itu kita perlu tahu bagaimana untuk mempertahankan diri," katanya.

Beliau berkata demikian pada sesi kerja ketua-ketua kerajaan di Sidang Kemuncak NAM di sini yang dirasmikan Presiden Nelson Mandela semalam. Teks ucapannya dibacakan Menteri Luar, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Abdullah mengetuai delegasi Malaysia pada persidangan kali ini selepas Perdana Menteri mengumumkan tidak dapat hadir kerana perlu memberikan perhatian kepada usaha pemulihan ekonomi di dalam negara.

Dr Mahathir berkata, sekarang semua negara perlu mengamalkan apa yang dipanggil sistem pasaran terbuka atau bebas yang membolehkan mereka yang kaya dan kapitalis Barat masuk dan keluar di sesebuah negara sesuka hati.

"Mereka boleh memiliki dan menubuhkan bank serta perniagaan, bebas menetapkan nilai mata wang, saham dan menentukan kadar tukaran asing tanpa mempedulikan peraturan kerajaan dan undang-undang.

"Sebaliknya, mereka akan memastikan dunia tidak tahu siapa mereka dan bagaimana mereka bekerja. Ketika mereka mahu kerajaan lebih telus dan terbuka, mereka sendiri berselindung dan kegiatan mereka tertutup," katanya.

Perdana Menteri berkata, negara-negara di dunia kini hanya mempunyai dua pilihan iaitu menerima atau membiarkan mata wang masing-masing dijatuhkan serta pasaran saham mereka musnah.

"Malangnya, sama ada mereka menerima atau tidak, hasilnya adalah sama iaitu daripada sebuah negara yang stabil dan makmur, mereka akan dicengkam kemiskinan dan menghadapi masalah sosial dan politik," katanya.

Sambil merujuk kepada NAM, Dr Mahathir berkata, kumpulan itu perlu digerakkan semula bagi memastikan anggotanya terus selamat berikutan ketidakberkesanan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB).

Menurutnya, impian untuk melihat reformasi demokratik PBB kini boleh dilupakan kerana tidak akan berlaku jika ada reformasi sekalipun, ia hanya mengukuhkan lagi kedudukan mereka yang kuat dan tamakkan kuasa.

Beliau berkata, walaupun Perang Dingin sudah tamat, kuasa besar dunia masih terus mencari jalan untuk menekan negara lemah dan mereka yang enggan tunduk akan menerima padahnya.

"Kebebasan kita kini semakin berkurangan dan penjajahan sudah kembali semula. Walaupun ia bukan dalam bentuk sama, penjajahan itu semuanya sama.

"Kuasa-kuasa besar dan kuat akan memerintah kita, menentukan nasib dan peranan kita dalam arena antarabangsa. Negara miskin seperti kita akan dieksploit sama seperti yang mereka lakukan dulu," katanya.

Perdana Menteri berkata, negara anggota NAM boleh melihat kepada sistem kerjasama Selatan-Selatan yang diwujudkan selepas Sidang Kemuncak Belgrade.

Menurutnya, walaupun ia tidak begitu mendapat sambutan, modus operandi kerjasama di kalangan negara Selatan itu boleh dianggap berjaya.

"Mungkin sudah sampai masanya bagi negara-negara anggota NAM yang benar-benar berminat menyertai kumpulan ini supaya selain pertemuan tiga tahun sekali ini, kita boleh mengadakan interaksi mengenai kepentingan bersama," katanya.

(END)